

Gedung Kuning jadi kenangan keluarga 'Haji Yusoff Tali Pinggang'

Oleh
Nadzri Eunus

TEMPAT jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain.

Begitulah yang dirasakan Encik Abdullah Haji Jofrie, 71 tahun, setiap kali beliau menjejakkan kaki ke banglo yang bergelar Gedung Kuning.

Ini kerana banglo bersebelahan dengan Istana Kampong Gelam itu bukan sahaja tempat kelahirannya, bahkan juga tempat beliau dan adik-beradiknya dibesarkan.

"Banglo ini juga menjadi saksi perkahwinan saya dan adik-beradik yang lain, termasuk kelahiran anak-anak kami," jelas Encik Abdullah.

Menurut beliau, Gedung Kuning menjadi kediaman anggota keluarganya sejak ia dibeli arwah datuknya, Allahyarham Haji Yusoff Haji Mohd Noor, seorang peniaga baldu dan tali pinggang yang terkenal dengan panggilan 'Haji Yusoff Tali Pinggang'.

Anggota keluarganya berpindah dari banglo tersebut dalam 1999 apabila ia diambil alih pemerintah.

Di sebalik bangunan yang kini tersergam, Encik Abdullah tetap gembira kerana nama gedung tersebut dan warna kuning terus dikekalkan.

Gedung Kuning yang kini menempatkan restoran Tepak Sireh merupakan sebahagian daripada Taman Warisan Melayu yang juga merangkumi Is-



PENUH NOSTALGIA: Gambar fail menunjukkan Gedung Kuning sebelum menjalani kerja-kerja pemuliharaan bagi projek Taman Warisan Melayu. Asalnya, ia milik Allahyarham Haji Yusoff Haji Mohd Noor, seorang peniaga baldu dan tali pinggang yang terkenal dengan panggilan 'Haji Yusoff Tali Pinggang'.

tana Kampong Gelam.

Kini Encik Abdullah tinggal di sebuah flat di Ang Mo Kio, sementara adik-adiknya pula mempunyai rumah masing-masing.

"Arwah datuk saya gemar pelihara burung dan dek minatnya itu sebuah sangkar besar diletakkan di ruang tiba (foyer) banglo.

"Bilik jana kuasa di hujung perkarangan banglo juga menjadi tempat peliharaan burung merpati," ujar Encik Abdullah.

Namun, burung merpati yang dipelihara arwah datuknya itu ter-

paksa dibunuh atas arahan pemerintah British ketika Perang Dunia Kedua.

"Alasan yang diberi, burung merpati boleh digunakan bagi tujuan merisik," jelas adik Encik Abdullah, Encik Abdul Latiff Haji Jofrie.

Tambah abangnya: "Meskipun semuanya itu tinggal kenangan, tetapi masih ada juga 'khazanah' yang masih lagi utuh — seperti sebatang pokok mentega di tengah halaman gedung. Arwah ibu tanam pokok tu bila adik perempuan saya lahirkan anak sulungnya."

NOSTALGIA

"Banglo ini juga menjadi saksi perkahwinan saya dan adik-beradik yang lain, termasuk kelahiran anak-anak kami.

"Meskipun semuanya itu tinggal kenangan, tetapi masih ada juga 'khazanah' yang masih lagi utuh — seperti sebatang pokok mentega di tengah halaman gedung. Arwah ibu tanam pokok tu bila adik perempuan saya lahirkan anak sulungnya."

— Cucu 'Haji Yusoff Tali Pinggang',
Encik Abdullah Haji Jofrie.